

# Ibu tunggal gembira, terharu bertemu TPM

➔ Kehadiran Dr Wan Azizah ke kampung air mencerikan penduduk

Oleh Poliana  
Ronnie Sidom  
poliana@nstp.com.my

▀ Sandakan

“Ini kali pertama saya bertemu orang atas (Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail). Biar pun tak larat (berjalan), saya gahakan juga,” kata warga tua, Badariah Omar, 80.

Badariah adalah antara 14 ibu tunggal yang berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan Timbalan Perdana Menteri dalam lawatannya ke perkampungan atas air itu, semalam.

Dalam lawatan itu, Presiden Pakatan Harapan (PH) itu meluangkan masa kira-kira 30 minit untuk bertemu penduduk.

“Saya tidak sihat, tapi kerana mahu jumpa ‘orang atas’, saya datang juga sebab ini kali pertama kami dilawati,” kata Badariah yang menjadi ibu tunggal sejak dua tahun lalu.

Seorang lagi ibu tunggal, Farimi Subabiru, 65, berkata beliau bersyukur dan berasa gembira kerana rumahnya dilawati Timbalan Perdana Menteri.

“Tidak sangka rumah saya yang ‘buruk’ dinaiki Timbalan



[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]

**Dr Wan Azizah bersama calon PRK Parlimen Sandakan, Vivian Wong Shir Yee (kanan) beramah mesra dengan penduduk Kampung Sim-Sim, Sandakan, semalam.**

Perdana Menteri. Kami cuma harap selepas lawatannya ke sini, rumah-rumah penduduk miskin yang rosak dapat (bantuan) pembaikan,” katanya.

Pada majlis itu, Persatuan Komuniti Prihatin Sabah (PKPS) menyampaikan sumbangan barang keperluan dapur kepada ibu tunggal.

Dalam ucapannya, Dr Wan Azizah mengingatkan bahawa tugas membantu warga tua dan ibu tunggal bukan saja menjadi tanggungjawab kerajaan, malahan memerlukan keprihatinan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Dalam kita menuju ‘negara tua’ pada 2030, kita perlu ada kerjasama strategik antara NGO dan kerajaan untuk memastikan kita dapat mencapai pelbagai polisi antaranya kebaji-

kan warga tua,” katanya.

## Bidas kenyataan Pandikar

Sementara itu dalam majlis lain, Dr Wan Azizah membidas kenyataan bekas Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia yang mendakwa isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebagai tiada kaitan dengan Sandakan.

Beliau berkata, walaupun 1MDB lebih menjurus kepada isu nasional, rakyat Sabah juga turut terkesan dengan skandal terbesar di dunia itu.

“Kita ada hutang dan defisit dalam perbelanjaan yang sepatutnya kita boleh gunakan untuk Sabah, termasuk Sandakan. Jadi, apa maksudnya yang tidak relevan,” katanya.

Mengulas mengenai isu penduduk tanpa kewarganegaraan,

Wan Azizah berkata, hasil Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai perkara itu yang dilaksanakan kerajaan terdahulu belum diserahkan kepada kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Katanya, kerajaan sekarang perlu melihat apa keputusan RCI itu dan melaksanakan kajian bagaimana untuk menyelesaikan masalah itu secara keseluruhan.

“Ia adalah masalah yang sudah lama berpanjangan, bukan hanya selepas PH mengambil alih kerajaan. RCI itu diketuai oleh Tan Sri Joseph Pairin Kitingan,” katanya.

Beliau berkata, walaupun isu itu lebih kepada hal ehwal negeri tetapi ia merangkumi pelbagai kategori termasuk yang berstatus pelarian seperti dihadapi di Semenanjung.